

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31/08/2017B

Rayuan Dr. Mahathir, dua lagi ditolak

um - 31/8/2017 13.8

PUTRAJAYA 30 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dua lagi hari ini gagal dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan saman mereka terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak atas dakwaan melakukan perbuatan salah laku dalam jawatan awam dan pentadbiran membabitkan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Panel tiga hakim diketuai oleh Tan Sri Idrus Harun memutuskan demikian sebulat suara semasa menolak rayuan tersebut setelah bersetuju dengan hujahan peguam Tan Sri Cecil Abraham yang mewakili Perdana Menteri bahawa Najib tidak boleh disaman atas alasan beliau adalah anggota pentadbiran, bukannya penjawat awam.

Hakim Idrus yang bersidang bersama-sama Datuk Vernon Ong Lam Kiat dan Datuk Abdul Rahman Sebli berkata, rayuan tersebut tidak mempunyai sebarang merit sekali gus mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi sebelum menetapkan kos RM30,000 perlu

dibayar oleh perayu-perayu kepada Najib.

Peguam Mohamed Haniff Katri Abdulla yang mewakili ketiga-tiga perayu ketika ditemui pemberita menyatakan, pihaknya akan memfailkan rayuan di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan berkenaan.

Dr. Mahathir dan bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan serta bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin mengemukakan rayuan setelah tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 April lalu yang membenarkan permohonan Najib untuk membatalkan saman itu.

Hakim Abu Bakar Jais membatalkan saman tersebut setelah berpendapat bahawa Dr. Mahathir, Khairuddin dan Anina gagal membuktikan Najib ialah penjawat awam dalam jawatan awam dan mengikut Perlembagaan Persekutuan, seorang penjawat awam tidak termasuk mana-mana anggota pentadbiran dalam Persekutuan atau negeri.